

GINKOR FORT[®] CAPSULE

Ginkgo biloba extract/Heptaminol hydrochloride/Troxerutin (0.014g/0.300g/0.300g)

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan Ginkor Fort[®]
2. Bagaimana Ginkor Fort[®] berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ginkor Fort[®]
4. Cara menggunakan Ginkor Fort[®]
5. Semasa menggunakan Ginkor Fort[®]
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ginkor Fort[®]
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apa kegunaan Ginkor Fort[®]

- Rawatan buasir (*haemorrhoids*).
- Rawatan *venolymphatic insufficiency* (sakit kaki ketika berjalan akibat aliran darah yang lemah).

Bagaimana Ginkor Fort[®] berfungsi

Ginkor Fort[®] berfungsi dengan melancarkan peredaran darah. Ia mengandungi *heptaminol hydrochloride* yang melancarkan aliran darah kembali ke jantung.

Sebelum menggunakan Ginkor Fort[®]

- *Bila tidak boleh menggunakan*
 - Jika anda mempunyai kelenjar tiroid yang terlampau aktif
 - Jika anda sedang mengambil perencat monoamine oxidase (MAOIs).
 - Jika anda hipersensitif terhadap bahan aktif atau bahan-bahan lain yang terkandung dalam Ginkor Fort[®]
- *Sebelum menggunakan Ginkor Fort[®]*
 - Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil produk ini.

- Ginkor Fort[®] tidak disarankan jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau disyaki mengandung.
- Ginkor Fort[®] tidak disarankan jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Jangan mengambil perencat monoamine oxidase (MAOIs) dengan Ginkor Fort[®].

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Ginkor Fort[®]

- *Berapa banyak harus digunakan*
 - Buasir (*haemorrhoids*): 3 - 4 kapsul sehari.
 - *Venolymphatic insufficiency*: 2 kapsul sehari
- *Bila perlu digunakan*
 - Buasir (*haemorrhoids*): pada waktu makan.
 - *Venolymphatic insufficiency*: Satu kapsul pada waktu pagi dan satu kapsul pada waktu malam.
- *Berapa lama perlu digunakan*

Buasir (*haemorrhoids*): selama 7 hari
- *Jika terlupa menggunakan*

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos tertinggal

dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)*

Jika terlebih dos, anda dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan di hospital supaya tekanan darah dan kadar degupan jantung sentiasa dipantau.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Ginkor Fort[®]

- *Perkara yang perlu dilakukan*
 - Jika anda mempunyai tekanan darah tinggi di dalam arteri paru-paru yang teruk, tekanan darah mesti dipantau dengan rapi semasa permulaan rawatan.
 - Jika anda menghadapi *venolymphatic insufficiency*, ubat ini lebih berkesan apabila ia diambil dengan gaya hidup yang sihat:
 - i. Elakkan dari terdedah kepada cahaya matahari dan haba, berdiri lama, berat badan berlebihan
 - ii. Pakai stoking mampatan yang sesuai jika berjalan lama untuk melancarkan pengaliran darah.
 - Rujuk kepada doktor jika simptom anda tidak bertambah baik dalam 7 hari atau bertambah teruk.

GINKOR FORT[®] CAPSULE

Ginkgo biloba extract/Heptaminol hydrochloride/Troxerutin (0.014g/0.300g/0.300g)

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Ginkor Fort[®] kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Produk ini mengandungi heptaminol yang boleh menyebabkan keputusan ujian doping menjadi positif.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan yang jarang berlaku adalah:

Gangguan gastrousus

Sakit perut, loya, cirit-birit

Gangguan sistem saraf

Sakit kepala

Masalah kulit

Gatal-gatal, geligata, ekzema (keradangan kulit)

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau sekiranya anda mengalami kesan sampingan lain yang tidak dinyatakan di risalah ini, maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Ginkor Fort[®]

- Penyimpanan

Jangan simpan di atas suhu 30°C. Simpan di dalam botol asal.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya doktor atau ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Ginkor Fort adalah kapsul yang berwarna hijau dan kuning. Ia mengandungi serbuk kuning pucat yang berbau ekstrak ginkgo biloba dan berasa pahit.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif:
Ekstrak ginkgo biloba, Heptaminol hydrochloride, Troxerutin.
 - Eksipien:
Colloidal anhydrous silica, magnesium stearate, kapsul gelatin*
- *Sumber bovine (lembu)

- Nombor MAL

MAL19962815XC

Pengilang

Beaufour Ipsen Industrie,
rue Ethe Virton 28100, Dreux,
France.

Pemegang Pendaftaran Produk

EP Plus Group Sdn. Bhd.
Block C-3-1, Plaza Mont Kiara
No 2, Jalan Kiara, Mont Kiara
50480 Kuala Lumpur.

Tarikh kemaskini RiMUP
30/12/2020

Nombor Siri
NPRA(R4/1)021220/00145